

13/05/2003

Malaysia, Jerman sepakat (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Malaysia dan Jerman mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

memainkan peranan utama dalam pembangunan semula Iraq serta meminta badan

dunia itu segera menyelesaikan isu Palestin.

Dua isu itu adalah antara perkara utama yang dibincangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder dalam pertemuan mereka di sini semalam.

Schroeder, canselor pertama Jerman yang melawat Malaysia, mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri sebelum mengetuai delegasi 17

orang menyertai perbincangan dua hala.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberitahu pemberita selepas

pertemuan itu, kedua-dua pemimpin memperbaharui komitmen mereka kepada PBB

dan menegaskan perlunya dunia mempunyai sistem multipolar.

Dr Mahathir dan Schroeder bersetuju bahawa tanpa pembentukan sebuah negara Palestin, tidak mungkin wujud keamanan yang berkekalan di Timur Tengah. Mereka juga berharap pembangunan semula Iraq perlu kerjasama banyak negara melalui sistem PBB.

Malaysia dan Jerman berharap dunia melihat masalah Iraq secara keseluruhan dan bukan hanya dari perspektif satu negara. Justeru, kedua-dua negara mahu sebarang konflik masa depan harus diselesaikan melalui dialog bagi memastikan kestabilan dunia.

Jerman menyebelahi Perancis dan Russia dalam menentang sebarang resolusi

PBB yang membenarkan Amerika Syarikat menyerang Iraq. Malaysia turut menentang serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq.

Schroeder, yang tiba di sini kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari, diberikan sambutan rasmi di Dataran Perdana, Pejabat Perdana Menteri pagi semalam.

Beliau yang diiringi Dr Mahathir, kemudian memeriksa kawalan kehormatan

oleh Rejimen Askar Melayu Diraja selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara

dimainkan.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet, diplomat dan pegawai-pegawai kerajaan.

Lawatan Schroeder itu adalah persinggahan pertamanya dalam siri lawatannya ke Asia Tenggara. Selain Malaysia, beliau dijadualkan singgah di Singapura, Indonesia dan Vietnam.

Beliau turut menghadap Yang di-Pertuan Agung, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail.

Beliau juga mengadakan pertemuan tertutup dengan Abdullah di Hotel Shang-ri La kira-kira setengah jam.

Rombongan Jerman terdiri daripada Menteri Ekonomi dan Buruh, Wolfgang

Clement dan Pengerusi Jawatankuasa Industri Jerman Bagi Asia Pasifik, Heirich von Pierer.

Dalam pertemuan kedua-dua pemimpin semalam, yang disifatkan sebagai sangat mesra, produktif dan membina itu, Schroeder menyuarakan kegembiraannya bukan saja terhadap dasar pembangunan Malaysia tetapi juga

berkaitan pendirian tegas Kuala Lumpur dalam isu-isu antarabangsa.

Perdana Menteri pula mencadangkan dialog antara peradaban dengan Jerman

berikutan negara itu mempunyai kira-kira 4.5 juta umat Islam.

Cendekiawan

Jerman diundang berdialog dengan pegawai Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Dr Mahathir juga mahu lebih banyak pelancong Jerman datang ke Malaysia bagi menyaksikan keindahan negara ini dan bagaimana rakyatnya yang terdiri

pelbagai agama dan bangsa, hidup dalam harmoni.

Selain itu, Perdana Menteri memberitahu Schroeder supaya Lufthansa, syarikat penerbangan nasional Jerman, mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Schroeder pula mahu lebih banyak promosi dijalankan di Jerman untuk memaklumkan kepada rakyat negara berkenaan mengenai Malaysia dan daya tarikannya.

Canselor Jerman itu mahu usaha dilakukan bagi memastikan rakyat negaranya tahu bahawa Malaysia selamat dilawati.